

DBKL sita barangan perniagaan halang laluan di Bangsar

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan menyita barangan perniagaan seperti kerusi dan meja yang menghalang laluan awam di Jalan Telawi 4 dan Lorong Ara Kiri, Bangsar di sini.

DBKL dalam satu kenyataannya berkata, tindakan itu dilaksanakan melalui Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Lembah Pantai yang melakukan empat sitaan terhadap barangan perniagaan yang diletakkan di tempat awam.

“Tindakan diambil mengikut Akta Jalan, Parit

dan Bangunan 1974.

“Semua barangan yang disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” kata kenyataan itu di Facebook malam kelmarin.

Menurutnya, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.

“Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat mereka ada di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>,” katanya.

DBKL menyita kerusi dan meja di Bangsar.

